

**From:** UUM CORPORATE COMM.  
**Sent:** Selasa, 24 Disember 2019 10:07 pg  
**To:** UUM - All Staff; UUM - All Students  
**Subject:** Sembang Bisnes Kongsi Pengalaman Usahawan Berjaya



**UUM Corporate Comm.**  
**Universiti Utara Malaysia**

24 DISEMBER 2019 / 27 RABIULAKHIR 1441H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"  
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah  
Gambar oleh: Nur Azmina Fatini Mohamad Zuki dan Asma Talib

### **SEMBANG BISNES KONGSI PENGALAMAN USAHAWAN BERJAYA**

**UUM ONLINE:** Usahawan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) Changlun berkongsi pengalaman dan kejayaan dalam dunia perniagaan sempena Sembang Bisnes High-Tea yang berlangsung di Restoren Tasik, UUM.

Pemilik Restoran Tasik UUM, Ku Mohd Fakhri berkata, membuka perniagaan bukan semudah yang dijangkakan dan sememangnya mempunyai risiko yang sangat tinggi.

"Oleh itu, carilah ilmu sebanyak mungkin, kita sebagai usahawan perlu mempunyai ilmu, kekuatan mental, bersedia dengan apa sahaja halangan dan risiko yang datang.

"Mahasiswa perlu menjaga sikap dan menahan keinginan yang membuak-buak untuk mendapatkan sesuatu. Jika inginkannya, usahalah sehingga berjaya mendapatkan keinginan tersebut melalui berniaga," ujarnya dalam program anjuran pelajar tahun akhir kursus Seminar Keusahawanan.

Beliau menitipkan pesanan kepada para pelajar supaya sentiasa bersifat merendah diri dan bersedia untuk menerima ilmu baharu serta mengaplikasikannya dalam kehidupan harian.

"Jangan ada sikap sombong walau sedikitpun kerana hari-hari kita belajar perkara baru," katanya.



Sementara itu, pemilik Daud Grill, Nor Izwenty menyifatkan banyak manfaat yang diperoleh daripada program perunding muda yang dijalankan oleh sekumpulan pelajar keusahawanan yang memilih perniagaannya.

“Antara impak positif adalah dari segi peningkatan jualan melalui promosi atas talian menggunakan laman sosial yang dijalankan oleh sekumpulan pelajar dengan yang menjadikan komuniti setempat sebagai sasaran pelanggan utama misalnya pelajar UUM,” katanya.

Beliau melahirkan setinggi-tinggi penghargaan, menghargai usaha padu dan idea bernas para pelajar yang sangat membantu mengembangkan lagi perniagaannya

Menurut tenaga pengajar, Prof. Madya Dr. Norashidah Hashim, dalam menjayakan projek ini kira-kira 65 pelajar ditugaskan untuk menjadi perunding muda kepada usahawan PKS.

“Pelajar didedahkan kepada komuniti usahawan untuk belajar selok-belok perniagaan dengan lebih dekat dan berkongsi idea bersama usahawan ini.

“Mereka telah berpeluang mempraktikkan pengetahuan dan kemahiran keusahawanan dalam bentuk perundingan kepada 12 buah PKS yang beroperasi di sekitar Sintok dan Changlun,” ujarnya.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.